

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK**

**[ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Loke Siew Fook [ Seremban ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan untuk melaksanakan agenda pembaharuan dan reformasi Parlimen dan bilakah cadangan-cadangan yang dibawa oleh Jawatankuasa Dewan dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN:** **YB. DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Parlimen Malaysia sedang meneliti cadangan penambahbaikan yang antaranya, melibatkan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Saya difahamkan beberapa siri mesyuarat Jawatankuasa Dewan turut diadakan bagi maksud membincangkan dan mengenal pasti cadangan penambahbaikan lain selaras dengan agenda pembaharuan transformasi Parlimen Malaysia.

Kerajaan sentiasa memberikan sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.